

# PM yakin sekolah Cina, Tamil setuju guna bahasa Inggeris

JUL 25 2002

KUALA LUMPUR 24 Julai  
— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin semua sekolah rendah dan menengah jenis kebangsaan Cina dan Tamil akan turut menerima pakai dasar pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Perdana Menteri berkata, walaupun Kabinet belum membuat sebarang keputusan mengenainya beliau berpendapat sekolah kedua-dua aliran itu tidak mempunyai masalah untuk melaksanakannya.

“Kita belum memutuskan sama ada mahu menggunakannya atau tidak (untuk sekolah kebangsaan Cina dan Tamil) tetapi kita berpendapat mereka akan terima,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Dato Onn hari ini.

Dr. Mahathir menambah, Kabinet juga belum membuat sebarang keputusan mengenai pelaksanaan pengajaran bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik walaupun telah menerima cadangan daripada Kementerian Pendidikan mengenainya hari ini.

Pada 13 Mei lalu, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad menyatakan jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh kementerian akan mengkaji sama ada pelaksanaan dasar baru itu hanya melibatkan sekolah kebangsaan atau melibatkan juga sekolah jenis kebangsaan.

Jawatankuasa itu dibentuk selepas Dr. Mahathir pada 10 Mei mengumumkan hasrat untuk melaksanakan dasar baru pengajaran dua mata pelajaran tersebut menggunakan bahasa Inggeris bermula tahun depan.

Pada 20 Julai lalu, Musa berkata, pengajaran bahasa Inggeris bagi dua mata pelajaran berkenaan akan diperkenalkan kepada pelajar di tiga peringkat iaitu Tahun Satu, Tingkatan Satu dan Tingkatan Enam Rendah.

Ahad lalu, Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil akan memutuskan pendirian mereka berkenaan dasar tersebut pada 10 Ogos ini.